

- (c) Ambil kira juga kemajuan sebenar di tapak bina dengan mengambilkira kemungkinan di pihak Kontraktor sendiri di samping kemungkinan yang disumbangkan oleh Kerajaan.
- (d) Tentukan kelambatan sebenar (*nett effective delay*) yang dialami dengan mengambil kira perkara-perkara berikut²:
 - i) Tempoh peristiwa-peristiwa yang bertindih atau yang berjalan serentak yang didapati melewati penyediaan kerja tersebut.
 - ii) Bagi kelewatan yang bertindih, penilaian perlu mengambilkira kemajuan kerja sebenar pada waktu peristiwa yang melewati kerja tersebut berlaku.
 - ii) Bagi kelewatan yang disebabkan oleh perubahan kerja, tempoh dinilai adalah hanya yang berkaitan dengan kesan kelewatan akibat pengeluaran arahan tersebut sahaja. Penilaian ini tidak termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan dengan arahan tersebut dimana sepatutnya telah diambilkira di dalam tempoh kontrak asal kecuali bagi kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop kontrak asal.
 - iii) Sama ada peristiwa yang melewati sesuatu aktiviti kerja tersebut terletak di dalam aktiviti yang kritikal kepada penyediaan kerja tersebut.
- (e) Kaji kesan kelambatan terhadap tempoh siap keseluruhan berpandukan aktiviti serentak dan berturutan di dalam CPM.

10.5.2 Semasa menilai dan menganggarkan tempoh lanjutan masa yang layak kepada Kontraktor, P.P. hendaklah juga mengambilkira sama ada Kontraktor telah sedaya upaya mengambil semua langkah tindakan dipihaknya untuk mengelakkan kelambatan. P.P. hendaklah juga mengambilkira kehendak Kontrak atas perkara ini dan seterusnya meluluskan lanjutan masa dengan adil dan berpatutan kepada Kontraktor untuk penyediaan Kerja.

² Surat Arahan KPKR Bil. 3/2008 bertarikh 23 April 2008